# MIEA ADVISORY

28 Jul 2021

## Reference No: 14:07:2021

**TO : ALL MEMBERS**
**FROM : MIEA SECRETARIAT**

**REFERENCE : PRESS RELEASE BY KPKT ON PHASE 2 OPENING UP OF THE "SEKTOR PEMAJUAN PERUMAHAN"**

The latest press release on opening up of the "sector pemajuan perumahan" states as follows "under phase 2, "Aktiviti pemasaran dan jualan, di pejabat pemaju, agen jualan, galeri jualan, show unit and unit hartanah subsale" are allowed.

This statement indicates that 'agen jualan' which likely means sales agents who are marketing projects are allowed to carry out sales activities at the premises of the developers.

Estate Agency Practice comes under ACT 242 under the Ministry of Finance. The press release was issued by KPKT (Ministry of Housing and Local Government) for Developers under ACT 118. Hence, we have written to MOF, MITI & KPKT for clarification on the said press release.

Please be patient for the clarity so we know exactly what to do.

Thank you.

On behalf of the Board of Directors
**Malaysian Institute of Estate Agents**

K. Soma Sundram
Chief Executive Officer

**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

KPKT

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 ( 47 )
Tarikh : 27 Julai 2021

# SIARAN MEDIA

## PEMBUKAAN SEKTOR PEMAJUAN PERUMAHAN MENGIKUT FASA PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)

**PUTRAJAYA, 27 JULAI 2021** – Sektor Pemajuan Perumahan adalah dibenarkan beroperasi di bawah Fasa 1 dan Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN) berkuatkuasa serta merta. Keputusan tersebut dicapai semasa Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal Pengurusan Pandemik pada 23 Julai 2021. Kebenaran beroperasi itu adalah terpakai kepada pemaju perumahan yang masih aktif dan sah Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan (APDL) di bawah Akta 118.

Di bawah Fasa 1, aktiviti-aktiviti yang dibenarkan beroperasi adalah **pejabat pengurusan pemaju perumahan; urusan serahan notis milikan kosong (*vacant possession*) dan kunci rumah; kerja-kerja baik pulih kerosakan kritikal dalam tempoh liabiliti kecacatan (*defect liability period*); dan kerja-kerja pembinaan untuk Rumah Mesra Rakyat (RMR) di bawah SPNB bagi kontraktor G1 hingga G4.** Sementara itu, di bawah Fasa 2, aktiviti tambahan yang dibenarkan adalah **aktiviti pemasaran dan jualan di pejabat pemaju, agen jualan, galeri jualan, *show unit* dan unit hartanah *subsale*.**

Kebenaran beroperasi sektor pemaju perumahan adalah tertakluk kepada pematuhan SOP terkini Sektor Pemajuan Perumahan yang boleh dimuat turun di laman sesawang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di https://www.kpkt.gov.my; SOP Pembinaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) di www.cidb.gov.my dan SOP Am Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia di www.mkn.gov.my bagi mengekang penularan wabak Covid-19.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Jabatan Perumahan Negara di talian *hotline* 03-8891 4493/4494.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/Agensi kerajaan iaitu 1.Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat*
*b.p. Ketua Setiausaha*
*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*
*Telefon : 03-8891 5555 I Faks : 03-8891 5557 I E-mel : media_ukk@kpkt.gov.my*